

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :**

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**

**KAWASAN : KOTA BHARU**

**SOALAN :**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini janji manifesto Kerajaan Pakatan Harapan dalam menghapuskan tol secara berperingkat seperti yang terkandung di dalam Buku Harapan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya dalam proses menyediakan Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan Kajian Halatuju Industri Lebuhraya Bertol di Malaysia untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri yang dijangkakan pada pertengahan Julai 2019. Kajian tersebut telah mengambil kira pelbagai senario dan alternatif untuk kerajaan menangani isu tol ini. Ini termasuklah pengambilalihan lebuh raya-lebuh raya bertol serta mekanisme pengurangan kadar tol yang mana lebih wajar dilaksanakan oleh Kerajaan. Sebarang keputusan memerlukan pertimbangan teliti kerana sudah pasti ianya akan memberi kesan komitmen kewangan jangka panjang Kerajaan.

Sekian, terima kasih.